

16/04/2001

Siswa UIAM disaran terjemahkan konsep Iqra

Hasliza Hassan

"SAYA gembira akhirnya Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) akan dibuka secara rasmi oleh orang yang berhak iaitu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya berdoa UIAM akan berjaya mencapai visinya membangunkan ilmu Allah dan kepada pelajarinya gunakanlah kelebihan kampus itu sebagai rahmat tidak ternilai daripada Allah.

"Tetapi saya dukacita kerana tidak dapat menghadiri majlis penuh sejarah itu (atas sebab-sebab tidak dapat dielakkan)," kata Tan Sri Dr Murad Mohamed Noor ketika ditemui minggu lalu.

Katanya, Dr Mahathir memberikan komitmen untuk menjadikan UIAM menjadi kenyataan.

Menceritakan detik-detik awal penubuhan UIAM katanya, pada mesyuarat pertama, Dr Mahathir memberitahu hasratnya menubuhkan sebuah universiti Islam antarabangsa di Malaysia.

Ini diikuti dengan pertemuan kedua bersama Ketua Pendaftar UKM ketika itu, Tan Sri Abdullah Salleh dan Timbalan Naib Canselor Universiti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra Malaysia), Prof Datuk Dr Ariffin Suhaimi.

Murad berkata, bertitik tolak daripada dua mesyuarat itu, Kementerian Pelajaran (kini Kementerian Pendidikan), diberi tugas untuk merancang penubuhan UIAM seperti yang dihasratkan oleh Dr Mahathir.

Beliau berkata, beberapa kertas kerja dan perbincangan diadakan di antara kementerian dengan Dr Mahathir yang turut memberi beberapa garis panduan mengenai ciri universiti itu.

Antara ciri tersendiri yang dimiliki oleh UIAM ialah bahasa pengantarnya yang menggunakan Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab serta perkataan Islam yang menunjukkan agama sejagat.

Ciri antarabangsa lain yang ada pada UIAM adalah pengambilan pelajar dari seluruh dunia, sistem pengajaran, latihan, disiplin dan tatacara berpakaian mengikut ajaran Islam.

Ditanya bagaimana Dr Mahathir mendapat inspirasi untuk menubuhkan sebuah universiti Islam antarabangsa di Malaysia, Murad berkata, ilham itu diberi oleh beberapa tokoh sarjana Islam terkemuka.

"Ada dua tiga orang yang memberi ilham kepada Dr Mahathir antaranya ulama kontemporari, Ismail Faruqi dan tokoh ulama lain.

"Bagaimanapun, perlu saya tekankan yang menjadikan ia satu realiti ialah Dr Mahathir yang turut menetapkan garis panduan bagi ciri universiti yang bakal ditubuhkan itu," katanya.

Beliau berkata, itu tidak bermakna beliau menafikan sumbangan orang lain kerana kejayaan penubuhan UIAM juga bergantung kepada komitmen mereka yang sanggup bersusah payah untuk melihat kewujudan universiti Islam di negara ini.

"Sebagai wakil kepada kerajaan dalam majlis pertama yang ditubuhkan mengikut perlembagaan, saya kenal mereka yang menaikkan imej universiti, termasuk Allahyarham Tun Hussein Onn, Presiden pertama UIAM.

"Saya juga tidak lupa pemimpin seawal penubuhan, selepas tertubuhnya dan hingga sekarang yang terus memastikan misi dan visi UIAM diteruskan," katanya.

Menyentuh isu pembinaan kampus UIAM yang turut menimbulkan konflik disebabkan pertukaran lokasi dari Bentong ke Indera Mahkota di Pahang dan kemudiannya Gombak di Selangor, Murad berkata, semuanya mempunyai sebab

tertentu.

Beliau berkata, lokasi awal di Bentong terpaksa dibatalkan kerana keadaan kawasan yang tidak sesuai iaitu atas bukit yang akan menyebabkan kos yang tinggi.

Sementara Indera Mahkota pula pada ketika itu masih belum dibangunkan dan keadaan kawasannya juga dilihat tidak sesuai untuk menempatkan sebuah universiti.

Sedangkan tapak di Gombak itu memang dikhususkan untuk membina sebuah universiti, tetapi bukan UIAM. Universiti yang dicadangkan ketika itu ialah Universiti Teknologi Malaysia UTM.

Bagaimanapun, kata Murad, kerajaan akhirnya menetapkan UTM dibina di Skudai, Johor dan ini menjadikan tapak di Gombak masih kosong.

"Tanah di Gombak sedia ada dan memang tujuan asalnya untuk pembinaan universiti. Maka, kerajaan mengambil keputusan membina kampus UIAM di sana.

"Lagipun kedudukannya memudahkan perpindahan pelajar UIAM yang ketika itu kampusnya di Petaling Jaya.

"Pada mulanya memang pemilihan Gombak menjadi pertikaian tetapi apabila UIAM Gombak sudah tersergam sekarang, ramai mengakui keputusan memilih Gombak adalah bijak.

"Tidak timbul mengapa baru sekarang hendak dirasmikan kerana pada saya biarpun sudah 18 tahun, UIAM tetap sama malah semakin dikenali. Lewat bukannya lambat," katanya.

Mengenai pemilihan orang luar sebagai Rektor pertama UIAM, Murad menjelaskan itu adalah strategi untuk memperkenalkan UIAM pada peringkat antarabangsa iaitu dengan menonjolkan ciri antarabangsa itu.

Selain itu, katanya, ia adalah antara cara untuk mencari pengaruh serta kepercayaan tidak berbelah bagi masyarakat antarabangsa terhadap kemampuan yang dimiliki oleh UIAM.

"Saya kira Rektor pertama, Tan Sri Prof Dr Mohd Abdul Rauf memang pengetahuan luas dengan sumbangannya dalam pengajian Islam di luar negara, termasuk Malaysia.

"Bukan bermakna anak tempatan tidak layak tetapi perlu ingat kita ingin tonjolkan nama antarabangsa itu dan pada masa yang sama kita juga mahu anak tempatan melihat, mengkaji dan belajar daripadanya," katanya.

Murad berkata, kini nama UIAM semakin menyinar dan kukuh di mata dunia, maka siapakah yang bakal menerajui universiti sebagai Rektor tidak menjadi persoalan lagi.

Sebagai tokoh yang sama berjuang melahirkan UIAM, beliau melahirkan harapan supaya UIAM dapat memainkan fungsi seperti yang dicitakan oleh pengasasnya, sebagai pusat pengajian ilmu moden yang berteraskan ajaran Islam.

Graduan UIAM diharap dapat menukar persepsi umum yang melihat perkataan Islam sebagai sempit dan menunjukkan kepada dunia mereka mempunyai kelebihan dua cabang ilmu yang digabungkan menjadi satu.

Ini, katanya, sejajar dengan cogan kata UIAM yang diambil daripada perkataan Iqra membawa maksud bacalah dan tuntutan ilmu mengikut peredaran semasa berdasarkan ajaran Islam.

(END)